

Info Kacang Botor



1. Nama Biasa	Kacang Botor	
2. Nama Saintifik	Psophocarpus tetragonolobus	
3. Varieti	Varieti tempatan dan varieti import	
4. Keperluan Asas	4.1 Faktor Iklim	Tropika
	4.2 Faktor Tanah	Jenis tanah gambut, bris dan mineral, tanah bekas lombong
	4.3 PH Tanah	5.5 - 6.0
5. Amalan Kultur	5.1 Benih Tanaman	18 kg/ha biji benih diperlukan. Biji benih dirawat dengan <i>thiram</i> sebelum menanam.
	5.2 Penyediaan kawasan	- Kawasan perlu dipajak dan digemburkan. - Batas berukuran 1.2m x 20-30 cm tinggi. - Pengapuran perlu dilakukan sekiranya PH tanah kurang daripada PH 5.0. Kadar pengapuran 3-5 t/ha (tanah gambut), 1-2 t/ha (tanah bris), 3-5 t/ha (tanah mineral).
	5.3 Kepadatan menanam	21 333 pokok /ha
	5.4 Jarak menanam	Jarak diantara 50 cm x 60 cm
	5.5 Sistem penanaman	Sistem penanaman 2 baris sebatas, 2-3 biji benih ditanam selubang sedalam 2-5 cm. Kayu junjung diperlukan untuk pokok kacang botor memanjat.
	5.6 Penanaman di Ladang	Penjarangan boleh dilakukan 14 hari selepas menanam dan biarkan hanya satu anak benih yang sihat tumbuh dalam satu lubang.
	5.7 Pembajaan	

Program Pembajaan bagi Kacang botor

Masa Menanam	Jenis Baja	Kadar baja (g/pk)
sebelum menanam	Organik	5
1 bulan selepas menanam	NPK Mg + TE 12:12:17:2+TE	0.25
2 bulan selepas menanam	NPK Mg + TE 12:12:17:2+TE	0.25
3 bulan selepas menanam	NPK Mg + TE 12:12:17:2+TE	0.25
4 bulan selepas menanam	NPK Mg + TE 12:12:17:2+TE	0.25

5.8 Pengurusan air

Sistem pengairan secara manual atau sistem pemercik disyorkan.

5.9 Pengawalan penyakit dan perosak

Pengawalan penyakit dan perosak bagi tanaman Kacang botor

Jenis penyakit dan perosak	Nama Saintifik	Simpton	Cara Mengawal (Jenis Racun)
Perosak 1.Ulat pengorek lenggai	<i>Maruca testulalis</i> Geyer	Larva menyerang pucuk,daun muda,bunga,lenggai. Bunga gugur,lenggai berlubang.	1.Permethrin 2.Deltamethri 3.Diflubenzunon 4.Tebuferozide
2.Kutu daun/Afid kacang	<i>Aphis craccivora</i> Koch	Menghisap cecair di bawah daun,pucuk,bunga dan lenggai,pertumbuhan terbantut.	1.Profenofos 2. Prothiofos 3.Imidacloipid
Penyakit 1.Karat (false rust)	<i>Synchytrium psophocorpi</i>	Menyerang batang,daun,lenggai.Kawasa n serangan menghasilkan spora berwarna oern cerah.	-
2.Bintik daun cercospora	<i>Cercospora capsici</i>	Bintik mata burung pada daun	1.Benomyl (Benlate wp) 2.Chlorentalonil (Daconil 2787 w.p)

5.10 Pengendalian rumpai

Kerja merumput dilakukan dengan cara mencabut atau mencangkul. Racun rumpai seperti *glyphosate* atau *glufosinate-ammonia* (*basta*) digunakan dan merumpai secara manual disyorkan. Penggunaan sungkupan seperti lalang, rumput kering dan jerami digalakkan.

	5.11 Kayu Junjung	Kayu junjung diperlukan untuk kacang botor memanjat. Tiang junjung berukuran 2.5 m panjang dan bergaris pusat 6 cm, dipacak di atas batas berjarak 4 m persegi (muat 3 batas tanaman). Dawai kasar dipasang menghubungkan kayu junjung tersebut. Dawai sederhana dipasang di atas setiap kayu penyangkang secara merentang, yang berfungsi sebagai para-para. Apabila tinggi pokok lebih kurang 20 cm, tali rafia dipasang pada setiap pokok dan diikat.
	5.12 Pengendalian	1. Penuaian 2. Pemilihan 3. Penggredan 4. Pembungkusan 5. Penyimpanan sementara 6. Pengagihan
	5.13 Hasil	12-16 t/ha kg/ha
	5.14 Pengendalian Hasil	Penuaian dilakukan 10-12 minggu selepas selepas menanam. Penuaian dilakukan setiap 3-4 hari sekali sehingga 16 minggu. Pembungkusan secara pukal, tidak melebihi 30 kg dimuatkan ke dalam bekas yang kukuh. Pembungkusan secara runcit dalam beg polietilena (plastik), beg kertas dan filem polivinil klorida. Pada suhu 5°C-10°C dengan kelembapan relatif 90-95%, kacang botor tahan disimpan hingga 1-2 minggu.
6. Penggredan		Kacang botor digred mengikut rupa bentuk, saiz, warna, kesegaran, dan tahap serangan penyakit serta serangga dan tahap mekanikal.